

Kes Pecah Rumah Hari Raya Pertama

APA YANG TERJADI?

Seorang wanita mendapat perkhabaran duka apabila mendapat berita bahawa rumah sewanya dipecah masuk pada hari raya pertama Aidilfitri. Menurutnya, pintu gril rumah sewanya telah diumpil dan menjadi laluan masuk oleh geng pecah rumah tersebut. Akibat daripada kejadian itu, wanita berkenaan telah kehilangan sejumlah barang-barang berharga. Beliau ketika itu yang berada di kampung halaman sempena sambutan hari raya Aidilfitri telah membuat laporan polis bagi mengesan penjenayah terbabit.

PUNCA?

- Pemilik rumah tidak membuat permohonan kawalan rondaan polis sebelum pulang ke kampung
- Kawasan rumah yang agak sunyi menyebabkan penjenayah mudah memecah masuk rumah tanpa disedari orang sekeliling
- Gagal memaklumkan kepada jiran tetangga berkenaan ketiadaan mereka sepanjang pulang ke kampung

HAZARD BERKAITAN

- Psikososial - tekanan atau stress akibat kehilangan barang berharga, dokumen penting dan juga harta benda rosak akibat rumah dipecah masuk

APA YANG BOLEH DIPELAJARI?

- Maklumkan kepada jiran apabila meninggalkan rumah
- Menghantar informasi melalui aplikasi Volunteer Smartphone Patrol (VSP) supaya pihak polis boleh melakukan rondaan sepanjang ketiadaan penghuni rumah
- Jangan sembunyikan kunci rumah di dalam pasu atau bawah alas kaki



www.broframestone.com

♥ broframestone

● nur_nilamsari Rumah sewa kena pecah masuk di hari Raya!!!!!! Damn!